

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT

TARIKH : 15 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk mengkaji proses pemilikan kad kewarganegaraan tetap Sarawak [my kad] yang menjadi masalah utama di kawasan Lubok Antu. Program TASK POST masih boleh diguna pakai untuk pegawai JPN masuk ke kawasan pedalaman untuk program berkenaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pengeluaran Kad Pengenalan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78] dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Dalam hal ini, Kad Pengenalan (MyKad) hanya dikeluarkan kepada individu bertaraf Warganegara Malaysia. Setiap permohonan dinilai sewajarnya oleh JPN dan pemohon bertanggungjawab untuk mengemukakan dokumen sokongan yang sah bagi membuktikan taraf kewarganegaraan Malaysia selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN.82/1964] serta perundangan berkaitan pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, peraturan imigresen dan lain-lain.

Berhubung dengan program “*task post*” seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat pula, Kementerian ini mengambil maklum bahawa ia merujuk kepada pasukan petugas khas (*task force*). Untuk makluman, pihak Kementerian sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan pendaftaran dapat dilaksanakan dengan mudah oleh semua lapisan masyarakat, khususnya kepada penduduk di kawasan pedalaman, warga emas atau golongan yang berkeperluan khas seperti orang kelainan upaya (OKU) dan sebagainya. Justeru, antara inisiatif yang telah dan sedang giat dilaksanakan melalui JPN adalah seperti mana berikut:

1. Perkhidmatan menerusi Program Turun Padang (*Program Outreach*);
2. Perkhidmatan melalui Unit *Mobile*;
3. Perkhidmatan melalui Bas *Mobile*; dan
4. Pembukaan kaunter-kaunter di Ibu Pejabat JPN, JPN Negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Komuniti Desa (PKD).